



23 FEB, 2026

PNSB perlu selesai segera masalah penduduk bergelap 5 hari

Harian Metro, Malaysia



PNSB perlu selesai segera masalah penduduk bergelap 5 hari

Sepang: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius gangguan bekalan elektrik yang menjejaskan penduduk Blok 5, Flat Taman Permata, Dengkil lebih lima hari lalu.

Timbalan Menteri, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, kerosakan pendawaian utama bangunan dan memerlukan pembaikan dilaksanakan segera.

Menurutnya, lawatan bersama Permodalan Ne-

geri Selangor Berhad (PNSB) selaku Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati berlaku risiko kebocoran arus yang boleh mengancam keselamatan penghuni.

"Bekalan elektrik terpaksa dipotong sementara oleh pihak TNB berikutan risiko itu dan sudah mengarahkan PNSB melaksanakan kerja pembaikan tanpa sebarang alasan atau kelewatan serta memberikan penjelasan rasmi dan

bertulis kepada keluarga yang terjejas," katanya selepas mengadakan tinjauan dan bertemu penduduk di flat itu semalam.

Difahamkan, terdapat 46 keluarga membabitkan lebih 200 penghuni terkesan dengan insiden itu merupakan kerosakan kali kedua selepas kejadian sama tahun lalu.

Sebelum ini, kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM1.5 juta bagi menempatkan penduduk di perumahan sementara susulan keadaan kediaman

yang daif selama hampir suku abad sebelum mereka dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat Ampar Tenang yang siap dibina tahun lalu.

Aiman Athirah yang juga Ahli Parlimen Sepang menegaskan tempoh pembaikan yang dimaklumkan mengambil masa kira-kira seminggu mesti dipatuhi.

Katanya, sebarang kelewatan tidak munasabah akan dipersoalkan dan tindakan susulan akan dipertimbangkan," katanya.

Sebagai langkah segera, beliau turut berbincang dengan Pegawai Daerah Sepang untuk memindahkan penduduk terjejas ke Pusat Teduhan Sementara (PTS) bagi membantu penghuni yang memerlukan dengan kos ditanggung pihak JMB.

Beliau berkata, isu berkenaan sudah dibangkitkan kepada kepimpinan tertinggi PNSB agar penyelesaian menyeluruh dilaksanakan dan bukan sekadar langkah sementara.

Katanya, semua penduduk terbabit sebenarnya boleh dipindahkan ke PPR Ampar Tenang yang disiapkan KPKT namun masih terdapat beberapa proses dokumentasi dan penyelesaian hutang dengan PNSB yang belum dimuktamadkan.

"Saya beri jaminan kebajikan dan keselamatan penduduk akan terus diutamakan serta pemantauan rapi dilakukan sehingga bekalan elektrik dipulihkan sepenuhnya," katanya.